

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

USUL MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI SUPAYA MENGEHADKAN AKTIVITI PENGONDOLAN BUKIT DAN TANAH TINGGI, KHUSUSNYA KAWASAN DI BALIK PULAU BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SERTA MENGEKALKAN KHAZANAH ALAM SEKITAR DI DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

Bahawa Sidang Muda Pulau Pinang mencadangkan Kerajaan Negeri untuk meneliti semula mengenai isu pengondolan bukit dan tanah tinggi di sekitar kawasan Pulau Pinang, khususnya di bukit Balik Pulau kerana masalah ini dilihat semakin kritikal ketika hujan lebat. Hal ini demikian kerana, akibat pengondolan yang tidak terkawal, menyebabkan berlakunya tanah runtuh dan banjir lumpur akibat tiada kawasan tadahan hujan yang seringkali mengancam nyawa orang ramai.

Bahawa Sidang Muda Pulau Pinang beranggapan bahawa aktiviti ini bukan sahaja menyebabkan kemusnahan ekosistem, malah turut mengancam nyawa orang ramai yang menggunakan jalan raya tersebut dan terdapat juga kes-kes melibatkan kerosakan harta benda. Pada 30 Oktober, Kejadian terbaru tanah runtuh di jalan Bukit Baru Balik Pulau, telah menyebabkan kesesakan trafik sehingga penduduk setempat terpaksa menggunakan jalan alternatif lain.

Bahawa Sidang Muda Pulau Pinang berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu menilai semula permasalahan ini, kerana ia bukan sahaja melibatkan nyawa dan kos, malah turut memberikan kesan yang lebih buruk pada masa hadapan sekiranya masalah ini tidak dikawal dengan segera.

Bahawa Sidang Muda Pulau Pinang sangat berharap, Kerajaan Negeri dapat mengambil langkah yang lebih baik dalam memastikan pembangunan yang lebih lestari dan bersifat holistik tanpa mementingkan pembangunan material sahaja malah juga melibatkan keselamatan dan kesejahteraan seluruh masyarakat.

Sekian, Terima Kasih.

Yang ikhlas,

Siti Aishah Binti Bohari

Ahli Sidang Muda 2016